



---

## **SURAT EDARAN UMT BILANGAN 2 TAHUN 2024**

---

### **Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri (BKKA) Tahun 2024**

#### **TUJUAN**

1. Surat edaran ini bertujuan memaklumkan mengenai pelaksanaan pemberian Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri (BKKA) Tahun 2024 untuk digunakan di Universiti Malaysia Terengganu.

#### **LATAR BELAKANG**

2. YAB Perdana Menteri telah mengumumkan bayaran Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri (BKKA) Tahun 2024 sebanyak RM500.00 kepada penjawat awam Gred 56 dan ke bawah termasuk pegawai/ kakitangan lantikan kontrak (*Contract of Service, Contract for Services*, pegawai sambilan harian dan lantikan personel MySTEP). Di samping itu, BKKA Tahun 2024 ini turut dipanjangkan kepada pesara Kerajaan, pesara berpencen, serta veteran tidak berpencen dengan bayaran sebanyak RM250.00.
3. Jabatan Perkhidmatan Awam, telah mengeluarkan surat edaran JPA.800-3/2/1(24) (43) bertarikh 1 April 2024 mengenai Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri (BKKA) Tahun 2024 dan dipanjangkan untuk digunakan di semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

**SULIT**

4. Di samping itu, BKKA Tahun 2024 ini turut dipanjangkan kepada pesara Kerajaan, pesara berpencen, serta veteran tidak berpencen dengan bayaran sebanyak RM250.00.
5. UMT telah bersetuju untuk melaksanakan Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri Tahun 2024 selaras dengan Keputusan Kerajaan tersebut.

**PEGAWAI YANG LAYAK**

6. Selaras dengan keputusan tersebut, kaedah perlaksanaan pembayaran BKKA Tahun 2024 di UMT adalah seperti berikut:
  - 6.1 Bayaran ini layak diberikan kepada:
    - (i) pegawai UMT Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana Gred 56<sup>1</sup> dan ke bawah yang masih berkhidmat pada 5 April 2024 sebanyak RM500.00.
    - (ii) pegawai UMT di Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana yang layak tersebut merupakan:
      - a. Pegawai lantikan tetap, sementara, *Contract of Service (COS)*<sup>2</sup> dan sambilan;
      - b. Pegawai yang bercuti bergaji penuh;
      - c. Pegawai yang bercuti separuh gaji;
      - d. Pegawai yang bercuti tanpa gaji; dan
      - e. Pegawai yang dipinjamkan termasuk ke agensi yang diasangkan pengurusan saraannya. Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri 2024 ini akan dibiayai oleh agensi yang menerima peminjaman pegawai.

---

<sup>1</sup> Pegawai di Gred 56 atau setara. Tidak termasuk pegawai yang sedang memangku di Gred Utama/Khas.

<sup>2</sup> Bagi pegawai di bawah *Contract for Service*, surat edaran berasingan akan dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan.

**SULIT**

- 6.2 BKKA Tahun 2024 turut dibayar kepada Pekerja Sambilan Harian (PSH) yang masih berkhidmat dengan UMT pada 5 April 2024 dan telah dilantik sebelum 5 April 2024.
- 6.3 Bagi pesara UMT yang sedang menerima pencen termasuk pesara pilihan yang belum menerima pencen, penerima pencen terbitan di bawah undang-undang pencen serta pesara Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang bersara daripada perkhidmatan awam apabila mencapai opsyen umur persaraan paksa (55/56/58/60 tahun) atau bersara Atas Sebab Kesihatan (ASK) pada atau sebelum 5 April 2024 akan dibayar sebanyak RM250.00 oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).
- 6.4 Pesara UMT yang dilantik semula secara lantikan tetap, sementara serta COS dan masih berkhidmat pada 5 April 2024 layak dibayar sebanyak RM500.00. Pembayaran sebanyak RM250.00 akan dibuat oleh JPA dan bakinya sebanyak RM250.00 oleh UMT iaitu jabatan di mana pegawai sedang berkhidmat.
- 6.5 Pegawai UMT yang meninggal dunia pada 5 April 2024 layak diberikan BKKA Tahun 2024 sebanyak RM500.00.

**PEGAWAI YANG TIDAK LAYAK**

7. Pembayaran ini **tidak layak** diberikan kepada pegawai-pegawai berikut:
  - a. pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan setaraf termasuk pegawai yang memangku, dipinjam/ tukar sementara dan penempatan khas ke Gred Jawatan Utama/ Gred Khas;
  - b. pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib buang kerja atau turun pangkat dalam tempoh 1 Januari 2024 hingga 5 April 2024;
  - c. pegawai yang ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam dalam tempoh 1 Januari 2024 hingga 5 April 2024;

**SULIT**

- d. pegawai yang meletak jawatan dalam tempoh 1 Januari 2024 hingga 5 April 2024; dan
- e. pegawai berpencen yang melepaskan hak pencen kerana menyertai Badan Berkanun Yang Diasingkan Saraan (BBDS).

**PEGAWAI YANG DITANGGUHKAN BANTUAN KHAS KEWANGAN AIDILFITRI**

8. Pegawai UMT yang ditahan kerja, digantung kerja atau surat pertuduhan telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib (PBTT) akan ditangguhkan pemberian BKKA Tahun 2024 ini. Pegawai hanya layak dibayar BKKA Tahun 2024 setelah dibebaskan daripada pertuduhan tatatertib atau dikenakan hukuman selain buang kerja atau diturunkan pangkat oleh PBTT yang berkenaan;

**PENGECUALIAN CUKAI**

9. Pembiayaan BKKA Tahun 2024 ini turut dikecualikan cukai pendapatan selaras dengan peruntukan di bawah subseksyen 127(3A) Akta Cukai Pendapatan 1967.

**TARIKH PEMBAYARAN**

10. BKKA Tahun 2024 ini akan dibayar pada 5 April 2024 dan menjadi tanggungan UMT di mana pegawai berkhidmat pada tarikh pembayaran.

**TARIKH KUAT KUASA**

11. Penerimaan pakai surat edaran ini adalah mengikut tarikh ianya diluluskan oleh pihak berkuasa universiti.

Disediakan oleh:

Jabatan Sumber Manusia  
Pejabat Pendaftar  
Universiti Malaysia Terengganu